

KOMPILASI SOALAN SESI KE 2 SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN

8 MAC 2023

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Perluakah syarikat kecil & sederhana (SME) melaksanakan TCG ini? Jika tidak perlu implement TCG, adakah LHDN pick up for audit syarikat2 SME ini?	<p>Walaupun kebanyakan rangka kerja tadbir urus cukai / panduan tadbir urus cukai disasarkan kepada syarikat besar, entiti tidak tersenarai termasuk perusahaan milik kerajaan, syarikat awam, perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan pengantara pasaran modal digalakkan untuk melaksanakannya.</p> <p>Entiti tidak tersenarai harus mempertimbangkan untuk melaksanakan amalan ini bagi meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kemampunan mereka.</p> <p>Entiti yang tidak melaksanakan tadbir urus cukai mungkin lebih terdedah kepada isu ketidakpatuhan yang boleh mendatangkan risiko dikenakan tindakan audit dan sebagainya.</p> <p>Walaubagaimanapun, perlu diingatkan indikator ini bukanlah satu-satunya petunjuk risiko. Ini kerana HASiL melihat risiko secara keseluruhan berdasarkan semakan silang dan analisis maklumat lain dalam penilaian risiko pematuhan cukai.</p>
2.	What role can tax advisors play in developing TCGF and TCF?	<p>TCGF memerlukan organisasi untuk mendokumentasikan secara rasmi strategi pengurusan cukai yang diguna pakai dan menyatakan dengan jelas akauntabiliti bagi strategi dan pengurusan risiko cukai tersebut. Ia juga memerlukan organisasi untuk menetapkan cara mereka menilai dan menilai keberkesanan dan pematuhan kepada rangka kerja yang telah ditetapkan. TCGF sesebuah organisasi juga perlu disemak oleh penyemak bebas. Berdasarkan keperluan ini, penasihat cukai boleh memainkan peranan penting dalam...</p> <p>i. membantu dan menyediakan dokumen TCG (strategi cukai/dasar cukai/dokumen tambahan dll...)</p>

		<ul style="list-style-type: none"> ii. mereka bentuk dan menyediakan rangka kerja kawalan yang boleh mengenal pasti dan menangani risiko perniagaan (termasuk risiko cukai), iii. mewujudkan mekanisme penilaian dan penilaian yang boleh mengukur risiko perniagaan dan keberkesanan rangka kerja kawalan mereka. iv. melakukan semakan untuk menambah baik rangka kerja kawalan v. lain-lain (jika perlu)
2.	Adakah tadbir urus cukai perlu dilaksanakan oleh syarikat kecil (SME)? Jika tiada tadbir urus cukai adakah SME mempunyai risiko untuk di audit?	<p>Walaupun kebanyakan rangka kerja tadbir urus cukai / panduan tadbir urus cukai disasarkan kepada syarikat besar, entiti tidak tersenarai termasuk perusahaan milik kerajaan, syarikat awam, perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan pengantara pasaran modal digalakkan untuk melaksanakannya.</p> <p>Entiti tidak tersenarai harus mempertimbangkan untuk melaksanakan amalan ini bagi meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kemampunan mereka.</p> <p>Entiti yang tidak melaksanakan tadbir urus cukai mungkin lebih terdedah kepada isu ketidakpatuhan yang boleh mendatangkan risiko dikenakan tindakan audit dan sebagainya.</p> <p>Walaubagaimanapun, perlu diingatkan indikator ini bukanlah satu-satunya petunjuk risiko. Ini kerana HASiL melihat risiko secara keseluruhan berdasarkan semakan silang dan analisis maklumat lain dalam penilaian risiko pematuhan cukai.</p>
3.	Adakah LHDN akan mengeluarkan template report bagi dokumen yang perlu dilaporkan kepada LHDN TCGF?	<p>Tiada template yang akan dikeluarkan. Ini kerana perbezaan industri, struktur, kompleksiti dan saiz syarikat.</p> <p>Tuan/puan boleh merujuk kepada rangka kerja dan garis panduan yang telah kami keluarkan.</p> <p>Untuk pertanyaan lanjut, boleh menghantar email ke TCG@hasil.gov.m</p>

4.	<p>Status TCG tertakluk kepada term and condition yang dinyatakan dalam surat tawaran. Boleh tahu apa syaratnya dan if tak comply, ada dikenakan tindakan ke? Kena audit or penalty or etc. Thanks ya</p>	<p>Syarikat yang telah diberikan status TCG perlu mematuhi enam prinsip TCGF seperti yang dinyatakan, empat prinsip pematuhan (4 pillars of compliance) dan perlu menyediakan laporan semakan tahunan dan mengekalkan aktiviti penyimpanan rekod yang cemerlang. Semua terma dan syarat ditetapkan boleh dirujuk dalam rangka kerja dan garis panduan TCG.</p>
5.	<p>Companies that participate in TCG must disclose tax strategies and information in the company's website. Does this disclosure will violate the company confidentiality?</p>	<p>Tidak. Pendedahan maklumat dan strategi cukai syarikat adalah secara umum dan perlu disediakan untuk tujuan tadbir urus cukai.</p> <p>Rangka kerja ini akan membantu meningkatkan imej dan reputasi sesebuah organisasi, meningkatkan keyakinan dan memberi jaminan kepada pentadbir cukai dan pihak berkepentingan, mengurangkan pertanyaan audit dan cukai hasil dari tadbir urus percukaian yang lebih telus, mengurangkan kos pematuhan serta memantapkan pengurusan hal ehwal cukai.</p>
6.	<p>Good day. Is it possible for a company that under investigation or audit join TCGF program. If possible in what stage of investigation or audit the company can apply.</p>	<p>Syarikat yang sedang diaudit tetapi hanya pada peringkat awal (peringkat permohonan dokumen) layak untuk menyertai program TCG. Syarikat digalakkan untuk melakukan pengakuan sukarela pada peringkat ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, syarikat yang sedang disiasat hanya dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam program TCG setelah semua isu diselesaikan sepenuhnya.</p>
7.	<p>Sekiranya dalam proses review dengan pihak Hasil, tiada titik persetujuan ditemui terhadap sesuatu isu berbangkit. Adakah ada impak dalam pemberian status TCG?</p>	<p>Pihak HASil akan mengikut saluran perundangan terkini untuk menyelesaikan pertikaian sekiranya kedua-dua pihak tidak menemui keputusan/persetujuan. Status pengiktirafan TCG adalah tertakluk penilaian terperinci oleh HASil yang akan mengambilkira beberapa indicator risiko. Sesuatu pertikaian tidak akan menjadikan pembayar cukai dianggap sebagai berisiko tinggi. Ianya bergantung kepada fakta kes</p>

8.	<p>How does the taxpayer get HASiL to review & issue TCG status to the said taxpayer ? Is the TCG status granted confirms that no audit will be carried out by IRB with the view of min compliance cost ?</p>	<p>Perenggan 6.3 Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Cukai telah menerangkan proses Program TCGF. Selepas pengemukaan laporan penilaian semakan sendiri (<i>self-review assessment report</i>) dan laporan penemuan (<i>report findings</i>) yang disediakan oleh penyemak bebas kepada HASiL pada Langkah 3, pihak HASiL akan membuat penilaian untuk melihat sama ada sesebuah organisasi itu layak untuk diberikan status berkenaan.</p> <p>Status yang diberikan akan menjamin manfaat program ini iaitu tiada semakan audit ke atas organisasi tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran.</p>
9.	<p>Sekiranya syarikat saya telah ada melaksanakan TCG, bagaimana untuk menyemak sama ada ianya selari dengan TCGF.</p>	<p>Syarikat boleh membuat <i>self-review</i> atau melantik <i>independent reviewer</i> bagi tujuan semakan dan penilaian sama ada pelaksanaan tadbir urus semasa adalah selari dengan TCGF.</p> <p>Sebagai rujukan, tuan/puan boleh merujuk kepada rangka kerja dan garis panduan yang telah kami keluarkan.</p> <p>Untuk pertanyaan lanjut, boleh menghantar email ke tcg@hasil.gov.my</p>
10.	<p>Penyemak bebas yang dilantik oleh Hasil ke? Bagaimana nak tahu siapa penyemak bebas?</p>	<p>Rangka Kerja TCG mencadangkan bahawa penyemak bebas mestilah pengamal cukai bertauliah. Bagi tujuan program TCGF, penyemak bebas ialah pengurusan dan audit dalaman atau firma profesional yang ditugaskan oleh organisasi untuk melaksanakan semakan prosedur yang dipersetujui bagi pengurusan risiko cukai dan rangka kerja tadbir urus.</p> <p>Semakan bebas hendaklah dijalankan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Ejen cukai yang diluluskan; atau ii. Juruaudit dalaman dengan kelayakan yang sesuai; atau iii. Penyemak bebas yang berkelayakan
11.	<p>How many company join TCGF until now?</p>	<p>Pelaksanaan program ini masih di fasa pengenalan, iaitu untuk mewujudkan kesedaran dan memberi maklumat kepada organisasi untuk menyertai projek pilot ini. Sehingga kini pihak HASiL telah menerima banyak maklum balas yang positif.</p>

12.	Adakah pelaksanaan TCGF akan jadi wajib kepada semua suatu hari nanti?	Penyertaan program TCG ini masih di fasa pengenalan dan dilaksanakan secara sukarela. Walaupun kebanyakan rangka kerja tadbir urus cukai / panduan tadbir urus cukai disasarkan kepada syarikat besar, entiti tidak tersenarai termasuk perusahaan milik kerajaan, syarikat awam, perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan pengantara pasaran modal digalakkan untuk melaksanakannya.
13.	Apa kriteria SME yang ingin memohon untuk menyertai program TCG terutama syarikat yang dikawal oleh pengarah serta saluran untuk menyertainya - melalui agen cukai atau terus ke LHDN?	Organisasi yang berminat untuk menyertai program ini boleh menghubungi HASiL dengan mengemukakan emel ke tcg@hasil.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut. Hanya organisasi yang terpilih sahaja akan mendapat tawaran penyertaan.
14.	Syarikat pilih ambil bahagian dalam TCGF kena bayar apa-apa charges?	Tiada bayaran dikenakan oleh HASiL ke atas mana-mana syarikat yang ingin menyertai program ini. Organisasi yang berminat untuk menyertai program ini boleh menghubungi HASiL dengan mengemukakan emel ke tcg@hasil.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut.
15.	Adakah syarikat mendapat apa-apa manfaat/kelebihan dengan menyertai program TCG ini?	Organisasi yang menyertai program TCGF ini layak menikmati manfaat seperti berikut; 1) Mengurangkan penelitian terhadap aktiviti pematuhan, 2) Menerima bayaran balik cukai lebih cepat, 3) Pelantikan <i>dedicated tax officer</i> , 4) Keutamaan pertimbangan dalam urusan pengurangan atau tiada penganan penalti.
16.	Pengalaman audit di non-profit organization, banyak NPO berminat untuk join program yang membantu organisasi dalam pematuhan cukai, Adakah program TCG digalakan kepada NPO?	TCG merupakan amalan tadbir urus cukai yang baik untuk sesebuah organisasi meningkatkan pematuhan cukai serta ketelusan kepada pentadbir cukai dan juga pemegang taruh (stake holders). Program TCGF ditawarkan kepada organisasi yang memenuhi kriteria berikut: a. Syarikat Besar/ Awam tersenarai (dengan perolehan RM 100 juta dan ke atas) b. Syarikat yang telah memenangi Anugerah Pembayar Cukai LHDNM terbaik c. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/ Syarikat milik kerajaan Negeri

		d. Pembayar cukai yang patuh (berdasarkan penyerahan borang penyata dan pembayaran cukai).
17.	Bagaimana pelaporan TCGF kepada Hasil bila dilaksanakan oleh sesebuah syarikat?	Puan boleh merujuk kepada TCG Framework dan TCG Guidelines yang telah kami keluarkan di laman web HASIL. Untuk pertanyaan lanjut, boleh menghantar email ke TCG@hasil.gov.my.
18.	What is penalty rate for voluntary declaration under tcgf?	Sekiranya organisasi berkenaan telah menyertai program TCG (mengambil kira semakan dan penilaian telah dijalankan oleh pihak organisasi, penyemak bebas, dan HASiL), pengakuan sukarela yang dibuat boleh dipertimbangkan sebagai tiada pengenaan penalti.
19.	Is this TCG will implement for foreign company in Malaysia?	Program TCGF ditawarkan kepada organisasi yang memenuhi kriteria berikut: a. Syarikat Besar/ Awam tersenarai (dengan perolehan RM 100 juta dan ke atas), b. Syarikat yang telah memenangi Anugerah Pembayar Cukai LHDNM terbaik, c. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/ Syarikat milik kerajaan Negeri, d. Pembayar cukai yang patuh (berdasarkan penyerahan borang penyata dan pembayaran cukai).
20.	Company more than 100m sales turnover will be selected to participate in this TCG mandatorily?	Program TCG masih sedang dilaksanakan sebagai program pilot dan hanya organisasi terpilih yang akan menerima jemputan dari HASIL untuk menyertai program buat masa ini. Organisasi yang berminat untuk menyertai program ini boleh menghubungi HASiL dengan mengemukakan emel ke tcg@hasil.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut. Hanya organisasi yang terpilih sahaja akan mendapat tawaran penyertaan. Syarikat yang terpilih menerima tawaran ini diberikan peluang untuk menerima atau menolak tawaran tersebut.
21.	Pengiktirafan tcg ni dibawah hasil, adakah guidelines utk tcg ni disediakan oleh pihak hasil?	Rujukan boleh dibuat ke atas TCG Framework, TCG Guidelines dan FAQ berkaitan program ini di laman web hasil.

22.	Application of TCG will need use more resources and documentation?	Ya. Seperti yang dinyatakan dalam rangka kerja TCG, aplikasi TCGF dalam persekitaran organisasi perlu didokumenkan dengan betul. Bagi tujuan tersebut organisasi perlu melantik penyemak bebas bagi menyediakan laporan penemuan (<i>independent reviewer report</i>) untuk semakan oleh pihak HASiL
23.	If we join TGF, one of benefit is that we can easily get tax refund easily. Currently we need to wait for MOF fund allocation only can get the tax refund. So we can skip the que and get refund?	Permohonan bayaran balik boleh di pertimbangkan untuk diberi keutamaan bergantung kepada kes.